

ISU KANAK-KANAK TANPA WARGANEGARA YANG DIAMBIL SEBAGAI ANAK ANGKAT DI MALAYSIA

(Issues of Stateless Adopted Children in Malaysia)

^{i*} Nizamuddin Alias & ⁱⁱ Aqwa Zaidan Bin Mohd Zaidi

^{i,ii} Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, (UKM), 43600 UKM Bangi,
Selangor, Malaysia

*Corresponding author: nizamuddin@ukm.edu.my

ABSTRAK

Perkara 15 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejangat 1948 memperuntukkan bahawa setiap orang adalah berhak kepada suatu kewarganegaraan. Walau bagaimanapun, isu tanpa kewarganegaraan adalah merupakan isu hak asasi manusia di peringkat global yang memberi impak kepada berjuta-juta orang. Ketiadaan kewarganegaraan menyukarkan orang tanpa warganegara untuk mengakses pendidikan, penjagaan kesihatan, pekerjaan dan faedah keselamatan sosial. Di Malaysia, bilangan orang tanpa kewarganegaraan adalah membimbangkan terutamanya kerana kanak-kanak yang diambil sebagai anak angkat sering menghadapi kesukaran dalam memperoleh kewarganegaraan. Isu kewarganegaraan dalam pengambilan anak angkat tanpa warganegara merupakan satu kekaburan undang-undang kerana prosedur permohonan kewarganegaraan yang sedia ada kurang berkesan. Proses permohonan kewarganegaraan yang panjang termasuk melalui proses mahkamah di bawah Perkara 14(1)(b) Perlembagaan Persekutuan dan prosedur permohonan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan, menjadi cabaran utama. Kajian ini menggunakan pendekatan doktrinal untuk menganalisis data yang diperoleh melalui kajian kepustakaan. Pendekatan analisis kritikal turut digunakan bagi menilai secara mendalam prinsip-prinsip undang-undang yang berkaitan, kes-kes yang relevan serta kesan undang-undang. Oleh itu, kajian ini mengkaji kedudukan undang-undang sedia ada, meneliti cabaran-cabaran yang dihadapi oleh kanak-kanak tanpa warganegara yang diambil sebagai anak angkat serta memberi cadangan penambahbaikan terhadap prosedur permohonan kewarganegaraan bagi memastikan anak angkat tanpa warganegara diiktiraf dan dilindungi secara lebih adil dan berkesan. Dapatan kajian akan memberikan cadangan konstruktif kepada pembuat dasar untuk memperbaharui undang-undang sedia ada berkaitan kewarganegaraan. Dengan ini, sistem kewarganegaraan di Malaysia dapat diperkukuhkan lagi dengan lebih inklusif dan memberi peluang yang saksama kepada semua kanak-kanak.

ABSTRACT

Article 15 of the Universal Declaration of Human Rights provides that everyone has the right to a nationality. However, statelessness is a global human rights issue that impacts millions of people. The absence of nationality makes it difficult for stateless individuals to access education, healthcare, employment and social benefits. In Malaysia, the number of stateless individuals is alarming, particularly children who are adopted often face difficulties in acquiring nationality. The issue of citizenship in the adoption of stateless children presents a legal ambiguity due to the ineffectiveness of existing citizenship application procedures. The lengthy citizenship application process, which involves court proceedings under Article 14(1)(b) of the Federal Constitution and the application procedure outlined in Article 15A of the Federal Constitution, presents a significant challenge. This study adopts a doctrinal approach to analyse data obtained through library-based research. A critical analytical approach is also employed to examine in depth the legal principles involved, relevant cases and legal implications. Therefore, this

Article history:

Submission date: 13 Oct 2025
Received in revised form: 27 Dec 2025
Acceptance date: 29 Dec 2025

Keywords:

Kewarganegaraan, Tanpa Warganegara, kanak-kanak, anak angkat, prosedur permohonan warganegara

Funding:

This research received no specific grant from any funding agency in the public, commercial, or not-for-profit sectors.

Competing interest:

The author(s) have declared that no competing interests exist.

Cite as:

Zaidi, A. Z. M., & Alias, N. (2025). Isu Kanak-kanak Tanpa Warganegara yang Diambil sebagai Anak Angkat di Malaysia. *Current Legal Issues*, 7(2), 37-53.

study explores the current legal position, examines the challenges faced by stateless adopted children and provides recommendations for improving the citizenship application procedure to ensure that stateless adopted children are recognized and protected fairly and effectively. The findings of this study will provide policymakers with constructive recommendations for reforming existing citizenship laws. In doing so, the citizenship system in Malaysia can be further strengthened inclusively, giving equal opportunities to all children.

PENGENALAN

Perkara 7 Konvensyen Hak Kanak-Kanak 1989 memperuntukkan bahawa kanak-kanak yang dilahirkan berhak didaftarkan dan diberikan kewarganegaraan. Namun begitu, proses pendaftaran dan pelaksanaan hak ini menjadi tanggungjawab kerajaan untuk melaksanakannya mengikut undang-undang negara masing-masing. Kewarganegaraan merupakan satu aspek penting dalam memastikan hak-hak individu diiktiraf dan dilindungi oleh negara. Kewarganegaraan memberikan perlindungan serta akses kepada pelbagai hak dan kemudahan seperti pendidikan, kesihatan dan kebajikan sosial. Di Malaysia, status kewarganegaraan dikawal oleh Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang yang berkaitan kewarganegaraan, namun isu kanak-kanak tanpa warganegara yang diambil sebagai anak angkat masih menjadi persoalan kompleks dan belum dapat diselesaikan sepenuhnya.

Anak angkat adalah merujuk kepada kanak-kanak yang telah didaftarkan sebagai anak angkat oleh ibu bapa angkat menerusi proses pengangkatan mengikut Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 atau Akta Pengangkatan 1952 (Ismail, 2020). Walaupun pengangkatan anak di Malaysia diiktiraf secara sah melalui Akta Pengangkatan 1952, pengangkatan tidak secara automatik memberikan kewarganegaraan Malaysia kepada anak tersebut. Ini bermaksud, meskipun anak angkat itu dijaga oleh ibu bapa angkat yang merupakan warganegara Malaysia, anak tersebut tetap perlu melalui prosedur undang-undang yang sewajarnya untuk mendapatkan kewarganegaraan. Prosedur

permohonan kewarganegaraan melalui Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan, yang bergantung kepada budi bicara kerajaan serta ketiadaan kriteria yang jelas telah menjadikan proses tersebut panjang, tidak menentu dan menyukarkan kanak-kanak tanpa warganegara untuk memperoleh status yang sah sebagai warganegara (Hasni, 2022). Tempoh permohonan ini boleh mengambil masa lebih daripada dua tahun dengan sesetengah permohonan melebihi empat tahun dan penolakan yang berulang kali sering berlaku tanpa diberikan alasan yang jelas (DHRRA Malaysia, 2019). Hal ini menyebabkan kanak-kanak tanpa warganegara yang diambil sebagai anak angkat hidup dalam keadaan tidak jelas status kewarganegaraannya, sekaligus menjejaskan hak mereka untuk mendapatkan pendidikan dan perkhidmatan kesihatan. Keadaan ini bukan sahaja menimbulkan masalah sosial, malah mencabar prinsip keadilan dan hak asasi manusia di Malaysia.

SOROTAN LITERATUR

Di Malaysia, terdapat dua sistem perundangan yang mengawal pengambilan anak angkat iaitu undang-undang yang mengawal pengambilan anak angkat beragama Islam dan undang-undang yang mengawal pengambilan anak angkat bukan Islam (Mohd, 2012). Pengambilan anak angkat beragama Islam dikawal oleh undang-undang syariah dan Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952, manakala pengambilan anak angkat bukan Islam dikawal oleh Akta Pengangkatan 1952 yang membolehkan ibu bapa angkat mempunyai hak penuh terhadap anak angkat mereka. Anak angkat adalah diiktiraf sebagai anak

kandung yang sah seolah-olah dilahirkan oleh ibu bapa angkat (Bakar, 2018). Ibu bapa angkat akan mengambil alih peranan ibu bapa kandung dan segala hak serta tanggungjawab dipindahkan kepada ibu bapa angkat. Namun begitu, tiada peruntukan dalam Akta Pengangkatan 1952 yang menyatakan anak angkat berhak mewarisi kewarganegaraan ibu bapa angkatnya menyebabkan mereka menjadi tanpa kewarganegaraan (Soh et al., 2017).

Kewarganegaraan di Malaysia ditentukan berdasarkan prinsip *jus soli* dan *jus sanguinis* (Affandi, 2020). *Jus soli* berasal dari bahasa Latin bermaksud hak berdasarkan tempat lahir yang menunjukkan bahawa kewarganegaraan ditentukan berdasarkan tempat kelahiran seseorang. Manakala, *jus sanguinis* bermaksud hak berdasarkan keturunan iaitu prinsip kewarganegaraan yang mengikut salah seorang atau kedua-dua ibu bapa yang merupakan warganegara sesebuah negara. Oleh itu, walaupun seseorang kanak-kanak telah sah diangkat secara undang-undang, status kewarganegaraannya tetap bergantung kepada ibu bapa kandungnya dan bukannya ibu bapa angkat. Kajian ini lebih menekankan ibu bapa mengikuti prosedur yang betul semasa mendaftarkan kelahiran anak mereka atau semasa mengambil anak angkat untuk mengelakkan isu tanpa kewarganegaraan kerana salah satu sebab anak angkat boleh dianggap tanpa kewarganegaraan adalah sijil kelahiran mereka tidak didaftarkan dengan betul.

Satu kajian telah mengkritik sistem kewarganegaraan semasa menyebabkan kanak-kanak yang diambil sebagai anak angkat berisiko menjadi tanpa kewarganegaraan walaupun mereka mempunyai pertalian secara langsung dengan negara melalui kelahiran (Zen, 2024). Oleh itu, kanak-kanak yang dilahirkan di Malaysia berisiko menjadi tanpa kewarganegaraan disebabkan oleh komplikasi undang-undang seperti perkahwinan ibu bapa yang tidak didaftarkan, kelahiran kanak-kanak yang

tidak didaftarkan, ketiadaan prosedur pentadbiran dan perundangan yang jelas berkaitan dengan permohonan kewarganegaraan bagi anak angkat. Menurut Lawyers for Liberty (LFL), permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan, kepada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) merupakan satu proses permohonan yang sangat panjang dan menyusahkan serta berisiko menghadapi penolakan yang tidak wajar tanpa diketahui sebab sebenar permohonan ditolak (Azizan, 2018).

Kajian yang lain pula mengesyorkan kerajaan Malaysia perlu mengambil langkah-langkah proaktif untuk memperbaiki proses permohonan kewarganegaraan bagi anak angkat dengan memastikan bahawa anak angkat yang sah diiktiraf oleh ibu bapa angkat warganegara Malaysia tidak akan terperangkap dalam keadaan tanpa kewarganegaraan (Saman, 2020). Kajian ini mencadangkan agar Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan, digunakan untuk memberikan kewarganegaraan kepada anak angkat secara lebih cepat dan memudahkan proses permohonan kewarganegaraan mereka. Namun begitu, kajian ini tidak memberikan sebarang cadangan bagaimana kerajaan boleh menambah baik prosedur permohonan kewarganegaraan bagi anak angkat tanpa warganegara agar lebih berkesan.

Satu kajian oleh Pembangunan Sumber Manusia untuk Kawasan Luar Bandar (DHRRA) mencadangkan JPN mengeluarkan garis panduan dan prosedur administratif yang lebih efektif berkenaan pertimbangan permohonan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan. Kajian ini juga mencadangkan JPN menyenaraikan sebab-sebab tertentu permohonan ditolak. Ini membolehkan pemohon memperbaiki penyerahan permohonan yang seterusnya (DHRRA Malaysia, 2020). Kajian daripada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) turut mencadangkan penambahbaikan kepada proses permohonan kewarganegaraan. Ini termasuk

memendekkan masa menunggu, mengurangkan beban kertas kerja, mengedarkan maklumat yang lebih baik dan tepat berkenaan proses tersebut menjadikan proses pertanyaan mengenai status permohonan lebih cekap (SUHAKAM, 2024). Kajian-kajian ini lebih menekankan usaha daripada kerajaan dengan memberikan cadangan penambahbaikan untuk memudahkan anak angkat tanpa warganegara menjalani prosedur permohonan kewarganegaraan dengan lebih efisien. Menurut Association of Women Lawyers (AWL), kerajaan haruslah mengambil langkah segera untuk memendekkan proses membuat keputusan permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan dan melaksanakan langkah serta perubahan perundangan untuk mengurangkan isu kanak-kanak tanpa warganegara yang diambil sebagai anak angkat (Goh, 2016). Namun begitu, walaupun kajian terdahulu menekankan keperluan pembaharuan dan pemendekan proses permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan, kajian tersebut masih kurang meneliti secara mendalam aplikasi peruntukan ini dalam konteks kanak-kanak tanpa warganegara yang diambil sebagai anak angkat. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengisi jurang tersebut dengan menilai secara kritikal kerangka perundangan sedia ada serta implikasi undang-undang terhadap status kewarganegaraan kanak-kanak tanpa warganegara yang diambil sebagai anak angkat di Malaysia.

Di akhir kajian ini, cadangan penambahbaikan yang dikemukakan dalam kajian ini didasari oleh beberapa kerangka teori utama. Antaranya ialah prinsip kepentingan terbaik kanak-kanak yang diiktiraf secara meluas dalam Konvensyen Hak Kanak-Kanak dan Akta Kanak-Kanak 2001 menegaskan bahawa semua keputusan yang melibatkan kanak-kanak hendaklah mengutamakan kebajikan dan kepentingan terbaik mereka. Selain itu, teori tadbir urus baik menyokong keperluan terhadap

prosedur yang telus, cekap dan berakauntabiliti dalam proses permohonan kewarganegaraan. Kerangka-kerangka ini turut diperkukuhkan dengan prinsip karamah insaniah yang menekankan penghormatan terhadap martabat manusia dan keadilan sosial.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan metodologi doktrinal melalui analisis kritikal terhadap peruntukan undang-undang dan kes-kes mahkamah berkaitan status kewarganegaraan kanak-kanak tanpa warganegara yang diambil sebagai anak angkat. Hal ini bertujuan untuk menganalisis undang-undang dengan mendalam mengenai cabaran yang dihadapi oleh anak angkat tanpa warganegara dalam mendapatkan status kewarganegaraan di Malaysia. Sumber rujukan primer dalam kajian ini termasuk statut dan kes-kes mahkamah. Sumber rujukan sekunder melibatkan buku ilmiah, artikel yang relevan serta laporan media yang mengupas isu kewarganegaraan bagi anak angkat tanpa warganegara.

Data dikumpul melalui kajian kepustakaan melibatkan analisis terperinci terhadap peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan dan hanya memfokuskan kepada peruntukan yang berkaitan dengan Akta Pengangkatan 1952 yang mengawal pengambilan anak angkat bukan Islam termasuk kes-kes yang berkaitan dengan anak angkat tanpa warganegara yang di Malaysia. Sumber dalam talian seperti Lexis Nexis dan HeinOnline turut dirujuk. Pendekatan analisis kritis digunakan untuk menilai secara mendalam prinsip-prinsip undang-undang yang terlibat, kes-kes yang relevan serta kesan undang-undang bagi memberikan cadangan penambahbaikan terhadap prosedur permohonan kewarganegaraan anak angkat tanpa warganegara agar lebih adil dan berkesan.

KEDUDUKAN UNDANG-UNDANG DALAM PROSES PERMOHONAN

KEWARGANEGARAAN BAGI ANAK ANGKAT TANPA WARGANEGARA

Proses permohonan kewarganegaraan bagi anak angkat tanpa warganegara melibatkan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan khususnya Perkara 14(1)(b) dan Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan. Skop perbincangan kajian ini juga memfokuskan kepada peruntukan dalam Akta Pengangkatan 1952 yang hanya berkaitan dengan anak angkat bukan Islam dan tidak merangkumi kepada anak angkat Islam yang tertakluk kepada Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952.

PERKARA 14(1)(b) PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

“(1) Tertakluk kepada peruntukan Bahagian ini, orang yang berikut ialah warganegara melalui kuat kuasa undang-undang, iaitu:

(b) tiap-tiap orang yang lahir pada atau selepas Hari Malaysia dan mempunyai mana mana kelayakan yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Kedua.”

SEKSYEN 1(a) BAHAGIAN II, JADUAL KEDUA PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

“1. Tertakluk kepada peruntukan Bahagian III Perlembagaan ini, orang yang berikut yang lahir pada atau selepas Hari Malaysia ialah warganegara melalui kuat kuasa undang-undang, iaitu:

(a) tiap-tiap orang yang lahir di Persekutuan dan sekurang-kurangnya seorang daripada ibu bapanya pada masa kelahiran itu seorang warganegara atau bermastautin secara tetap di Persekutuan.”

Perkara 14(1)(b) Perlembagaan Persekutuan, menggambarkan syarat kewarganegaraan berdasarkan jus soli iaitu hak berdasarkan tempat lahir. Manakala, Seksyen 1(a) Bahagian II, Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan, memperincikan syarat kewarganegaraan berdasarkan jus sanguinis iaitu hak berdasarkan keturunan. Kedua-dua syarat ini perlu dipenuhi untuk memperoleh kewarganegaraan Malaysia.

Oleh itu, Perkara 14(1)(b) dibaca bersama Seksyen 1(a) Bahagian II, Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan, adalah peruntukan yang berasaskan elemen kedua-dua konsep jus sanguinis dan jus soli. Merujuk kepada kes *Pendaftar Besar Kelahiran dan Kematian Malaysia v Pang Wee See & lain-lain*, mahkamah menyatakan kewarganegaraan seseorang itu adalah berdasarkan tempat lahirnya iaitu Malaysia serta berdasarkan keturunan iaitu kewarganegaraan Malaysia salah seorang ibu bapanya pada masa kelahirannya untuk menjadi warganegara Malaysia melalui kuat kuasa undang-undang.

Walaupun, berdasarkan pindaan dalam Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) Kewarganegaraan 2024 yang telah diluluskan oleh Parlimen, kanak-kanak yang lahir di Malaysia hanya kepada ibu atau bapa yang merupakan warganegara Malaysia berhak untuk memperoleh kewarganegaraan secara automatik melalui kuat kuasa undang-undang. Oleh itu, kanak-kanak yang lahir di Persekutuan kepada ibu bapa yang bermastautin tetap sahaja tidak lagi layak memperoleh kewarganegaraan Malaysia melalui kuat kuasa undang-undang. Ini bermakna, kanak-kanak tersebut perlu melalui proses permohonan lain untuk mendapatkan kewarganegaraan dan bukan lagi secara kuat kuasa undang-undang.

Di Malaysia, secara umumnya status kewarganegaraan seorang anak mengikut kewarganegaraan ibu kandung. Namun sekiranya salah seorang daripada ibu bapa kandung anak tersebut adalah warganegara Malaysia dan kelahiran berlaku di Malaysia, maka secara prinsipnya anak itu layak mendapat kewarganegaraan secara automatik di bawah Perkara 14(1)(b) dibaca bersama Seksyen 1(a) Bahagian II, Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan. Walaupun, secara praktiknya proses ini tetap memerlukan pengesahan dokumentasi dan identiti ibu bapa kandung oleh pihak berkuasa seperti JPN. Jika status kewarganegaraan ibu bapa kandung tidak dapat dipastikan atau jika ibu kandung merupakan bukan warganegara Malaysia

dan anak itu dilahirkan di luar perkahwinan, anak tersebut berisiko menjadi individu tanpa warganegara (Lim, 2023).

PERKARA 15A PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

“Tertakluk kepada Perkara 18, Kerajaan Persekutuan boleh, dalam apa-apa hal keadaan khas yang difikirkannya patut, menyebabkan mana-mana orang yang di bawah umur dua puluh satu tahun didaftarkan sebagai warganegara.”

Berdasarkan kepada Penyata Rasmi (Hansard) Parlimen 1962, Mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdul Razak telah menjelaskan pelaksanaan peruntukan Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan ini memberikan kuasa kepada kerajaan untuk memberikan kewarganegaraan kepada seseorang yang berumur di bawah 21 tahun jika kerajaan merasakan terdapat alasan munasabah untuk berbuat demikian. Dalam konteks ini, “keadaan khas” merangkumi situasi di mana kerajaan melihat bahawa seorang kanak-kanak mungkin tidak mengetahui ibu bapa kandung, kerajaan boleh memilih untuk mendaftarkannya sebagai warganegara. Peruntukan ini hanya memberi kuasa kepada kerajaan untuk mendaftarkan seseorang sebagai warganegara sekiranya terdapat kesukaran atau demi kepentingan terbaik kanak-kanak tersebut.

Satu-satunya saluran undang-undang yang tersedia bagi anak angkat tanpa warganegara untuk mendapatkan kewarganegaraan selain daripada kuat kuasa undang-undang adalah permohonan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan, iaitu pertimbangan atas budi bicara Menteri Dalam Negeri. Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan, memperuntukkan bahawa pendaftaran kewarganegaraan kepada kanak-kanak di bawah umur 21 tahun berdasarkan “keadaan khas” dan permohonan ini perlu dikemukakan kepada JPN. Sekalipun ia tidak melibatkan proses kehakiman, ia masih tertakluk kepada penilaian ketat berdasarkan dokumentasi dan latar belakang anak tersebut. Proses boleh menjadi rumit

terutamanya jika terdapat kekurangan dokumen kelahiran, pengesahan identiti ibu bapa kandung yang lemah atau tidak lengkap atau pendaftaran kelahiran yang tidak tepat.

Tambahan pula, ketiadaan takrifan perundangan dan garis panduan pentadbiran yang jelas mengenai maksud “keadaan khas” menyebabkan keputusan permohonan bergantung sepenuhnya kepada tafsiran menteri, sekali gus menimbulkan ketidakpastian undang-undang terhadap permohonan kewarganegaraan bagi anak angkat tanpa warganegara.

Namun begitu, Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) Kewarganegaraan 2024, telah meminda had umur untuk memohon kewarganegaraan melalui pendaftaran daripada 21 tahun kepada 18 tahun, selaras umur mengundi di Malaysia dan takrif kanak-kanak seperti diperuntukkan Akta Umur Dewasa 1971.

Secara umumnya, syarat permohonan taraf kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan, ialah pemohon dan orang yang didaftarkan mestilah hadir di hadapan Pendaftar Warganegara semasa mengemukakan permohonan. Orang yang didaftarkan mesti berusia kurang daripada 21 tahun pada tarikh permohonan dikemukakan, namun pindaan had menjadikan umur kanak-kanak ialah 18 tahun ke bawah. Seterusnya, orang yang didaftarkan mestilah menyatakan sebab memohon dalam borang permohonan dan senarai semak akan dilakukan oleh pegawai JPN ketika mengemukakan permohonan. Antara dokumen yang perlu dikemukakan semasa permohonan ialah sijil kelahiran atau cabutan sijil kelahiran terbaru atau sijil anak angkat, permit masuk atau passport jika ada dan dokumen bukti persekolahan jika bersekolah.

AKTA PENGANGKATAN 1952

“9. (1) Apabila suatu perintah pengangkatan dibuat, segala hak, tugas, kewajipan dan tanggungan ibu atau bapa, penjaga anak angkat itu, berhubung dengan jagaan, nafkah dan pelajaran pada masa hadapan

anak angkat itu, termasuk segala hak untuk melantik seorang penjaga atau untuk mempersetujui atau memberi notis tidak bersetuju dengan perkahwinan adalah terhapus, dan segala hak, tugas, kewajipan dan tanggungan itu hendaklah terletak hak pada dan boleh dijalankan oleh dan boleh dikuatkuasakan terhadap pengangkat itu seolah-olah anak angkat itu ialah anak yang dilahirkan oleh pengangkat itu semasa perkahwinan yang sah:

Dengan syarat bahawa, dalam mana-mana hal jika pasangan suami isteri ialah pengangkat, pasangan suami isteri itu hendaklah berkenaan dengan perkara yang diperuntukkan dalam subseksyen ini dan bagi maksud bidang kuasa mana-mana Mahkamah untuk membuat perintah mengenai jagaan dan nafkah serta hak akses kepada anak-anak mempunyai pertalian antara satu sama lain dan terhadap anak angkat itu mengikut perhubungan yang sama sebagaimana mereka sepatutnya mempunyai pertalian jika mereka ialah bapa dan ibu yang sah bagi anak angkat itu, dan anak angkat itu hendaklah mempunyai pertalian terhadap mereka masing-masing mengikut perhubungan yang sama sebagaimana seorang anak sepatutnya mempunyai pertalian terhadap bapa dan ibu yang sah, masing-masing.”

“25. (2) Tiap-tiap perintah pengangkatan hendaklah mengandungi arahan kepada Pendaftar Besar—

(b) untuk mengeluarkan berkenaan dengan anak angkat itu suatu Sijil Kelahiran di bawah Akta ini.”

“25A. (1) Berkenaan dengan Sijil Kelahiran yang disebut dalam perenggan 25(2)(b), tiap-tiap perintah pengangkatan hendaklah mengandungi suatu arahan—

(a) kepada Pendaftar Besar bahawa perkataan “diangkat,” “pengangkat” atau “angkat” atau apa-apa perkataan yang mempunyai kesan yang sama tidak boleh terdapat dalam Sijil itu.”

Secara umumnya, anak angkat dianggap sebagai anak kandung yang sah seperti dilahirkan oleh ibu bapa angkatnya sendiri. Pembacaan teliti terhadap Seksyen 9(1) Akta Pengangkatan 1952 yang memperuntukkan bahawa semua hak, kewajipan, tanggungan dan liabiliti hendaklah dipindahkan kepada ibu bapa angkat apabila perintah pengangkatan

dikeluarkan. Manakala, Seksyen 25A Akta Pengangkatan 1952 memperuntukkan bahawa sijil kelahiran anak angkat tidak boleh mengandungi perkataan “anak angkat.”

Daripada peruntukan yang terkandung dalam Akta Pengangkatan 1952, tiada sebarang peruntukan yang menyentuh tentang kewarganegaraan anak angkat. Akta ini tidak mempunyai keupayaan sebagai instrumen undang-undang untuk memberikan kewarganegaraan secara automatik melalui kuat kuasa undang-undang kepada anak angkat di bawah Perkara 14(1)(b) dibaca bersama Seksyen (1)(a) Bahagian II, Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa perintah pengangkatan adalah bukan pertimbangan yang sah untuk mendapatkan kewarganegaraan Malaysia.

CABARAN PROSES PERMOHONAN KEWARGANEGARAAN BAGI ANAK ANGKAT TANPA WARGANEGARA

Permohonan untuk pemberian kewarganegaraan selepas dikeluarkan perintah pengangkatan oleh mahkamah telah menjadi cabaran utama yang dihadapi oleh kanak-kanak tanpa warganegara yang diambil sebagai anak angkat dalam mendapatkan status kewarganegaraan di Malaysia khususnya bagi kes pengambilan anak angkat bukan Islam yang tertakluk di bawah Akta Pengangkatan 1952.

Status kewarganegaraan anak angkat di Malaysia ditentukan oleh JPN dalam menjalankan fungsi pentadbirannya bagi mendaftarkan perintah yang diberikan oleh mahkamah Malaysia. Kegagalan kelulusan permohonan kewarganegaraan biasanya akan dicabar di mahkamah melalui proses semakan kehakiman (Judicial Review). Mahkamah akan membuat keputusan berdasarkan hujah-hujah yang dikemukakan oleh pihak-pihak serta tafsiran undang-undang yang berkuat kuasa.

Satu contoh kes berkaitan permohonan semakan kehakiman bagi kewarganegaraan anak angkat ialah kes Foo Toon Aik (mewakili Foo Shi Wen) v Ketua Pendaftar Kelahiran dan Kematian Malaysia, dalam kes ini pemohon seorang rakyat Malaysia menjalinkan hubungan dengan wanita Siam. Seorang kanak-kanak bernama Foo Shi Wen dilahirkan di Malaysia. Ibu bapa tidak mendaftarkan perkahwinan mereka sama ada mengikut undang-undang Malaysia atau Thailand, maka anak itu adalah anak luar nikah. Bapa memohon perintah pengangkatan kepada mahkamah di bawah Akta Pengangkatan 1952 dan ianya telah diluluskan. Sijil kelahiran baru dikeluarkan oleh JPN mengikut Seksyen 25 Akta Pengangkatan dan status kewarganegaraan anak tersebut tercatat sebagai “bukan warganegara.” Bapa iaitu pemohon yang merupakan bapa kandung dan bapa angkat memfailkan permohonan semakan kehakiman untuk membatalkan keputusan JPN dan memohon pengisytiharan bahawa anak itu adalah warganegara melalui kuat kuasa undang-undang susulan perintah pengangkatan tersebut. Isu utama yang dipertimbangkan mahkamah ialah sama ada anak tersebut layak menjadi warganegara melalui kuat kuasa undang-undang dan sama ada perintah pengangkatan mencukupi untuk menjadikan anak angkat itu warganegara melalui kuat kuasa undang-undang.

Mahkamah memutuskan bahawa perkataan “ibu bapa” dalam Seksyen 1(a) Bahagian II, Jadual Kedua Perlembagaan Pesekutuan, hanya merujuk kepada ibu bapa yang sah hasil perkahwinan yang sah dalam Persekutuan. Oleh itu, anak luar nikah tidak layak mendapat kewarganegaraan melalui kuat kuasa undang-undang berdasarkan kewarganegaraan bapa. Perkahwinan yang sah mengikut undang-undang negara adalah syarat wajib. Mahkamah juga memutuskan bahawa kesan perintah pengangkatan tidak boleh meluas kepada perolehan kewarganegaraan. Mahkamah merujuk kepada Seksyen 9 Akta Pengangkatan 1952 yang menerangkan hak dan tanggungjawab ibu bapa angkat terhadap anak angkat yang

merangkumi hak penjagaan, pemeliharaan, pendidikan dan lain-lain seperti anak yang dilahirkan secara sah dalam perkahwinan. Namun begitu, dari segi kewarganegaraan, mahkamah menyatakan undang-undang tidak menyebut perkara mengenai kewarganegaraan anak angkat dan tiada sebarang peruntukan jelas dalam undang-undang yang menyatakan bahawa perintah pengangkatan memberi kesan kepada kewarganegaraan anak angkat.

Dalam kes Chin Kooi Nah (mewakili Chin Jia Nee) v Pendaftar Besar Kelahiran dan Kematian Malaysia, isu utama kes ini ialah sama ada seorang anak angkat melalui perintah pengangkatan berhak memperoleh kewarganegaraan secara automatik melalui kuat kuasa undang-undang berdasarkan Perkara 14(1)(b) Perlembagaan Persekutuan. Dalam kes ini pemohon telah memperoleh perintah pengangkatan dari Mahkamah Sesyen untuk mengambil anak angkat kanak-kanak perempuan yang telah dilahirkan di Malaysia tetapi ditinggalkan oleh ibu bapa kandungnya. Sijil kelahiran kanak-kanak itu menyatakan bahawa maklumat tentang ibu bapa kandungnya tidak dapat diperolehi. Responden, setelah diperintahkan oleh mahkamah untuk mendaftarkan perintah pengangkatan telah mengeluarkan sijil kelahiran baru untuk kanak-kanak itu yang mengklasifikasikannya sebagai “bukan warganegara.” Responden telah menolak permohonan pemohon untuk mendaftar kanak-kanak itu sebagai warganegara Malaysia dan menasihatkannya untuk membuat permohonan rasmi bagi kewarganegaraan sedemikian. Dalam memfailkan permohonan ini untuk menyemak semula keputusan responden tersebut di Mahkamah Tinggi, pemohon berhujah bahawa jika responden tidak mendaftarkan kanak-kanak itu sebagai warganegara Malaysia, kanak-kanak itu akan dianggap tanpa warganegara dan bahawa fakta itu mungkin menjejaskan kanak-kanak itu secara psikologi. Pemohon selanjutnya berhujah bahawa oleh kerana kanak-kanak itu telah dilahirkan di

Malaysia, dia merupakan warganegara di negara ini melalui kuat kuasa undang-undang di bawah Perkara 14(1)(b) dibaca bersama Seksyen 1(a) Bahagian II, Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan.

Responden dalam kes ini menghujahkan bahawa pemohon gagal mengemukakan apa-apa keterangan tentang ibu bapa kandung kanak-kanak itu yang menghendaknya menunjukkan bahawa ibu bapa tersebut bukan sahaja telah berkahwin secara sah malah sekurang-kurangnya salah satu daripada mereka adalah warganegara atau bermastautin secara tetap di Persekutuan pada masa kelahiran kanak-kanak itu. Responden juga berhujah bahawa oleh kerana pemohon tidak menggunakan remedi alternatif seperti memohon kewarganegaraan kanak-kanak itu melalui pendaftaran di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan, sebelum memohon relief dari mahkamah, permohonannya adalah pramatang dan patut ditolak. Mahkamah memutuskan permohonan pemohon ditolak kerana menurut Perkara 14(1)(b) dibaca bersama Seksyen 1(a) Bahagian II, Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan, kanak-kanak itu hendaklah lahir dalam Persekutuan kepada ibu bapa kandung di mana salah seorang daripada mereka sekurang-kurangnya pada masa kelahiran adalah seorang warganegara atau bermastautin secara tetap di Persekutuan. Berdasarkan perkataan-perkataan dalam peruntukan tersebut, rujukan kepada hubungan kanak-kanak itu kepada ibu bapa tersebut mesti ditentukan berkaitan dengan masa kelahiran kanak-kanak itu. Oleh itu, perkataan “ibu bapa” perlu ditafsirkan sebagai merujuk kepada ibu bapa kandung yang sah berkahwin. Tidak dipertikaikan bahawa dalam kes ini identiti ibu bapa kandung tidak diketahui. Justeru, kanak-kanak dalam kes ini tidak memenuhi syarat kelayakan sebagai warganegara negara Malaysia melalui kuat kuasa undang-undang.

Di samping itu, dalam kes Mahkamah Rayuan iaitu kes *Than Siew Beng & lain-lain v Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran*

Negara, perayu kedua dilahirkan pada 28 September 1998 di Ampang, Selangor. Perayu pertama dan isterinya telah memperolehi perintah pengambilan anak angkat untuk mengambil anak angkat iaitu perayu kedua. Sijil kelahiran perayu kedua tidak mengandungi maklumat mengenai ibu bapa biologi. Pada 21 Jun 2012, perayu-perayu memohon kewarganegaraan untuk perayu kedua dengan pendaftaran di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan, tetapi ia ditolak oleh responden pertama.

Perayu-perayu yang tidak berpuas hati dengan keputusan responden pertama kemudiannya memfailkan permohonan semakan kehakiman dengan memohon pengisytiharan bahawa perayu kedua diiktiraf sebagai warganegara Malaysia di bawah Perkara 14(1)(b) Perlembagaan Persekutuan, melalui kuat kuasa undang-undang. Perayu-perayu juga mendesak responden pertama mengeluarkan kad pengenalan (MyKad) atau sijil kewarganegaraan kepada perayu kedua sebagai warganegara Malaysia. Mahkamah memutuskan bahawa walaupun perayu kedua telah memenuhi kehendak jus soli dalam Perkara 14(1)(b) Perlembagaan Persekutuan, namun satu-satunya dokumen yang ada iaitu sijil lahir perayu kedua tidak mengandungi maklumat mengenai ibu bapa biologi. Oleh sebab identiti sah bayi dan ibu bapa biologi tidak diketahui, mahkamah memutuskan keturunan perayu kedua tidak dapat ditentukan. Oleh itu, permohonan perayu-perayu ditolak kerana perayu kedua tidak memenuhi kehendak untuk menjadi warganegara atas kuat kuasa undang-undang.

Namun begitu, dalam kes *Lee Chin Pon & lain-lain v Pendaftar Besar Kelahiran dan Kematian Malaysia*, yang diputuskan lebih awal daripada kes-kes sebelum ini telah membuat keputusan yang berbeza. Dalam kes ini, Mahkamah Tinggi dalam permohonan semakan kehakiman memutuskan bahawa kanak-kanak tersebut memperoleh kewarganegaraan Malaysia melalui kuat kuasa undang-undang susulan perintah pengangkatan berdasarkan Seksyen

9 dan 25A Akta Pengangkatan 1952 serta Perkara 14(1)(b) Perlembagaan Persekutuan. Mahkamah memutuskan bahawa tindakan responden yang menganggap ibu bapa kandung kanak-kanak tidak dapat dipastikan adalah pertimbangan yang tidak wajar sama sekali. Sehubungan itu, responden didapati telah bertindak tidak munasabah dengan mengabaikan harapan sah pemohon bahawa responden akan mengeluarkan sijil kelahiran baru yang mendaftarkan kanak-kanak tersebut sebagai warganegara Malaysia. Menurut mahkamah, keputusan untuk menafikan kewarganegaraan Malaysia kepada kanak-kanak itu adalah tindakan yang tidak munasabah. Oleh itu, keputusan dalam kes Lee Chin Pon ini telah memberi penghormatan tertinggi kepada prinsip kepentingan terbaik kanak-kanak tanpa warganegara yang diambil sebagai anak angkat (Mah, 2013). Walaubagaimanapun, pendekatan yang diambil dalam kes Lee Chin Pon ini kemudiannya tidak lagi diikuti secara konsisten oleh mahkamah-mahkamah selepas keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes CTEB & lain-lain v Ketua Pengarah Pendaftaran Negara Malaysia.

Merujuk kepada kes terkini iaitu kes DDL & lain-lain v Pendaftar Besar Kelahiran dan Kematian Malaysia, plaintif yang merupakan suami isteri dan warganegara Malaysia, memohon pengisytiharan bahawa anak angkat mereka, RAPD adalah warganegara Malaysia mengikut kuat kuasa undang-undang menurut Perkara 14(1)(b) dibaca bersama Seksyen (1)(a) Bahagian II, Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan. RAPD dilahirkan pada 14 Mac 2019 kepada seorang wanita Sri Lanka iaitu ibu kandungnya di sebuah hospital kerajaan di Johor. Kira-kira lapan bulan selepas kelahiran, ibu kandung membenarkan plaintif mengambil RAPD dan membesarkan anak itu sebagai anak mereka sendiri. Plaintif memfailkan pendaftaran lewat kelahiran RAPD dan sijil kelahiran lama menyatakan nama dan nombor pasport ibu kandung kanak-kanak itu. Bapa kandung kanak-kanak itu tidak diketahui. Berikutan

pengambilan RAPD secara rasmi oleh plaintif, sijil kelahiran baru telah dikeluarkan oleh JPN yang menggambarkan plaintif sebagai ibu bapa kanak-kanak itu.

Walaubagaimanapun, memandangkan RAPD masih dikategorikan dalam sijil kelahiran sebagai “bukan warganegara,” plaintif memohon pengisytiharan bahawa RAPD adalah anak warganegara Malaysia, dia memperoleh kewarganegaraan di bawah Seksyen 1(a) Bahagian II, Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan, melalui kuat kuasa undang-undang. Mahkamah terikat dengan prinsip duluan kehakiman (*Stare Decisis*) untuk mengikuti keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes CTEB & lain-lain v Ketua Pengarah Pendaftaran Negara Malaysia. Kes CTEB memutuskan bahawa perkataan “ibu bapa” bermaksud ibu bapa kandung dan tidak termasuk ibu bapa angkat. Peruntukan Akta Pengangkatan 1952 tidak boleh digunakan untuk mentafsir perkataan “ibu bapa” dalam Seksyen 1(a) Bahagian II, Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan. Kedua-dua prinsip *jus soli* dan *jus sanguinis* mesti dibuktikan dalam menentukan kewarganegaraan. Bagi membolehkan prinsip *jus sanguinis* digunapakai pemohon mesti membuktikan bahawa pada masa kelahirannya, salah seorang daripada ibu bapanya adalah sama ada warganegara Malaysia atau pemastautin tetap di Malaysia. Kes CTEB mengukuhkan penggunaan prinsip *jus soli* dan *jus sanguinis* dalam menentukan kewarganegaraan dan juga mengesahkan bahawa perkataan “ibu bapa” mengecualikan ibu bapa bukan kandung seperti ibu bapa angkat. Plaintif telah gagal untuk melepaskan beban membuktikan bahawa pada masa kelahiran sekurang-kurangnya seorang daripada ibu bapa kanak-kanak itu sama ada warganegara Malaysia atau pemastautin tetap di Malaysia. Ibu bapa pada masa kelahiran jelas tidak boleh merujuk kepada ibu bapa angkat. Berdasarkan fakta, mahkamah mendapati

imbangan kebarangkalian bahawa ibu kandung itu adalah warganegara Sri Lanka dan bukan warganegara Malaysia. Tiada bukti bahawa ibu kandung itu adalah pemastautin tetap Malaysia atau dia telah memasuki Malaysia secara sah atau kehadirannya di Malaysia adalah sebagai pemastautin tetap. Oleh itu, mahkamah tidak dapat memberikan pengisytiharan yang diminta oleh plaintif dan permohonan plaintif ditolak. Ini bermakna, selepas keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes CTEB, mahkamah-mahkamah telah mengukuhkan pendekatan tafsiran yang ketat terhadap peruntukan Perkara 14(1)(b) dibaca bersama Seksyen 1(a) Bahagian II, Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan. Mahkamah secara konsisten mengecualikan ibu bapa angkat daripada maksud “ibu bapa” dan menegaskan keperluan pembuktian kedua-dua prinsip jus soli dan jus sanguinis berdasarkan status ibu bapa kandung pada masa kelahiran seperti yang dapat dilihat dalam kes DDL.

Satu perkara yang perlu ditekankan di sini ialah perintah pengangkatan tidak memberikan kewarganegaraan Malaysia kepada anak angkat walaupun ibu bapa angkatnya adalah warganegara Malaysia. Bagi memperoleh warganegara Malaysia melalui kuat kuasa undang-undang, mahkamah bergantung kepada peruntukan Perkara 14(1)(b) dibaca bersama Seksyen 1(a) Bahagian II, Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan, yang memperuntukkan bahawa seseorang itu mesti dilahirkan di Malaysia dan juga menyatakan bahawa salah seorang daripada ibu bapanya mestilah warganegara Malaysia atau pemastautin tetap pada masa kelahiran anak itu dan status perkahwinan haruslah melalui perkahwinan sah yang telah didaftarkan. Sekiranya maklumat tentang ibu bapa kandung tidak diketahui atau jika anak itu dilahirkan di luar perkahwinan dan ibu kandungnya bukan warganegara Malaysia, kewarganegaraan Malaysia tidak akan diberikan dan anak itu akan menjadi

tanpa kewarganegaraan. Mahkamah dalam banyak keadaan telah menolak pemberian kewarganegaraan kepada anak angkat melalui permohonan semakan kehakiman. Oleh itu, kegagalan memenuhi keperluan pentadbiran telah menghalang ramai kanak-kanak daripada diiktiraf sebagai warganegara Malaysia walaupun mereka dilahirkan dan dibesarkan di negara ini. Status kewarganegaraan mereka di negara ini menjadi tidak pasti kerana sijil kelahiran mereka akan dinyatakan sama ada sebagai “warganegara” atau “bukan warganegara.”

Hal ini menyebabkan ibu bapa angkat yang terjejas terpaksa memohon kepada Menteri Dalam Negeri untuk mendapatkan kewarganegaraan bagi anak angkat mereka, memandangkan keputusan beliau adalah berdasarkan budi bicara dan tidak tertakluk kepada proses kehakiman. Oleh itu, anak angkat tanpa warganegara yang ingin mendapatkan kewarganegaraan Malaysia boleh membuat permohonan alternatif di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan, untuk dipertimbangkan oleh Menteri Dalam Negeri. Secara asasnya, Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan, ialah satu peruntukan yang berkuasa kerana ia membolehkan kanak-kanak mendapatkan kewarganegaraan atas budi bicara Menteri. Namun begitu, pelaksanaan peruntukan Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan, masih belum disertakan dengan garis panduan atau prosedur yang jelas menjadikan proses permohonan tidak konsisten, lambat dan sukar diramal. Hal ini menyebabkan pemohon termasuk anak angkat tanpa warganegara tidak mengetahui dengan tepat syarat yang perlu dipenuhi. Selain itu, pemohon tidak diberitahu sebab sebenar permohonan ditolak atau kriteria yang gagal dipenuhi menyebabkan proses penilaian permohonan menjadi tidak telus.

Tambahan lagi, tiada had masa proses permohonan ditetapkan menyebabkan permohonan boleh mengambil masa bertahun-tahun tanpa jawapan. Jika permohonan ditolak, tiada mekanisme rayuan rasmi dan pemohon perlu mengulang semula proses permohonan yang sama.

Ianya bergantung kepada budi bicara menteri semata-mata. Semasa menjalani proses ini, anak angkat tanpa warganegara tertakluk kepada kadar bayaran warga asing apabila mereka mahu mendapatkan khidmat pendidikan dan kesihatan awam. Penolakan yang berulang kali dan permohonan semula bermakna kanak-kanak yang memohon di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan, akan mencapai usia 21 tahun dan akhirnya dikecualikan daripada peruntukan Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan. Walaubagaimanapun, remedi perundangan ini tidak mampu diakses oleh semua orang disebabkan masalah kewangan dan kadar kejayaan yang rendah (SUHAKAM, 2024).

Satu contoh yang menggambarkan keadaan sebenar pemakaian Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan, sama ada berkesan atau tidak, dapat dilihat dalam kes Chew Yun Yu. Dalam kes ini, ibu Chew Yun Yu yang merupakan warganegara Indonesia telah berkahwin dengan bapa Chew Yun Yu iaitu warganegara Malaysia. Ibu bapa Chew Yun Yu tidak mendaftarkan perkahwinan mereka dan ibu Chew Yun Yu telah meninggalkan keluarganya. Pada tahun 2011, bapa Chew Yun Yu memohon perintah pengangkatan kepada mahkamah dan ianya telah diluluskan tetapi Chew Yun Yu dan adiknya Chew Yun Long tidak didaftarkan sebagai warganegara Malaysia walaupun bapanya seorang warganegara Malaysia. Pada tahun 2019, bapa Chew Yun Yu telah mengemukakan permohonan kewarganegaraan bagi Chew Yun Yu di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan. Sehingga pada tahun 2024, bapa Chew Yun Yu baru menerima jawapan bertulis daripada JPN bahawa permohonannya telah ditolak. Namun begitu, tiada sebarang sebab diberi untuk keputusan ini. Oleh itu, kes ini mencerminkan ketidakberkesanan prosedur permohonan kewarganegaraan sedia ada di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan (Devaraj, 2024).

Akhir sekali, dalam kes Navin Moorthy v Kementerian Dalam Negeri (KDN),

pemohon-pemohon telah membuat permohonan semakan kehakiman di bawah Perkara 14(1)(b) dibaca bersama Seksyen (1)(a) Bahagian II, Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan selepas permohonannya di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan ditolak oleh JPN. Mahkamah memutuskan bahawa KDN telah bertindak dengan tidak adil. Mahkamah mengiktiraf Navin sebagai warganegara dan memerintahkan KDN untuk memberikan kad pengenalan. Dalam kes ini mahkamah telah menggariskan empat syarat yang seharusnya diambil kira oleh KDN dalam mempertimbangkan permohonan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan, iaitu pertama, individu mestilah berumur bawah 21 tahun. Kedua, individu mestilah lahir di negara ini. Ketiga, wujud kesukaran jika tidak diberikan kewarganegaraan dan keempat adalah demi kepentingan terbaik kanak-kanak. Mahkamah juga mencadangkan KDN untuk membuat sesuatu keputusan permohonan itu hanya dalam tempoh masa enam bulan sahaja bagi mempercepatkan proses permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan (Goh, 2016).

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN PROSEDUR PERMOHONAN KEWARGANEGARAAN BAGI ANAK ANGKAT TANPA WARGANEGARA

Berdasarkan analisis terhadap kedudukan perundangan dan cabaran dalam proses permohonan kewarganegaraan bagi kanak-kanak tanpa warganegara yang diambil sebagai anak angkat, KDN dicadangkan agar menambah baik prosedur sedia ada bagi membolehkan anak angkat tanpa warganegara memperoleh kewarganegaraan dengan lebih berkesan. Keperluan penambahbaikan ini turut disokong oleh kajian daripada DHRRA yang menekankan kepentingan penyediaan garis panduan dan kriteria yang jelas dalam pertimbangan permohonan kewarganegaraan oleh JPN (DHRRA Malaysia, 2019).

PENAMBAHBAIKAN UNDANG-UNDANG DAN JURANG PERUNDANGAN

KDN dicadangkan mengkaji semula jurang dalam undang-undang kewarganegaraan yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dan Akta Pengangkatan 1952 serta melaksanakan pembaharuan undang-undang untuk menghalang dan mengurangkan segala bentuk tanpa kewarganegaraan. Kanak-kanak tanpa warganegara perlu diberi keutamaan dalam proses mendapatkan kewarganegaraan setelah selesai proses pengangkatan anak. Sebagai contoh, kegagalan mendapatkan dokumen atau pengesahan ibu bapa kandung menyukarkan permohonan kewarganegaraan anak angkat. Oleh itu, KDN haruslah mempertimbangkan penggunaan dokumen pengangkatan yang rasmi dari mahkamah sebagai alternatif untuk melengkapi permohonan kewarganegaraan bagi anak angkat.

PENAMBAHBAIKAN PROSES PENTADBIRAN KEWARGANEGARAAN

Seterusnya, KDN haruslah mengeluarkan garis panduan dan prosedur yang lebih berkesan bagi pertimbangan permohonan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan, dengan memendekkan masa permohonan menjadi lebih singkat. Sebagai contoh, tempoh pemprosesan permohonan kewarganegaraan dikurangkan dengan tidak melebihi 1 tahun terutamanya bagi kanak-kanak tanpa warganegara yang memohon di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan. Selain itu, KDN turut disyorkan menyediakan akses mudah untuk menyemak status permohonan dan memaklumkan kepada pemohon sebab khusus sekiranya permohonan mereka ditolak supaya mereka boleh menambah baik permohonan yang seterusnya tanpa melakukan kesilapan yang sama. Hal ini dapat meningkatkan ketelusan dalam penilaian permohonan kewarganegaraan. Oleh itu, satu mekanisme khas di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan, atau peruntukan lain haruslah diwujudkan khusus untuk anak angkat supaya proses

permohonan kewarganegaraan lebih mudah, cepat dan tidak terlalu rumit.

PENUBUHAN STRUKTUR SOKONGAN DI PERINGKAT NEGERI

Tambahan lagi, kerajaan haruslah menubuhkan jawatankuasa khas di setiap negeri untuk membantu proses permohonan kewarganegaraan anak angkat supaya permohonan dapat berjalan dengan lancar. Jawatankuasa ini juga boleh menjadi platform untuk menangani aduan dan isu kelewatan proses permohonan. Sebagai contoh, berdasarkan kepada Jawatankuasa Khas Status Kewarganegaraan (JKKSK) Sarawak (Grace, 2025), yang telah ditubuhkan hasil kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak. Penubuhan JKSSK Sarawak ini bertujuan untuk memudahkan urusan verifikasi permohonan dan memberi keutamaan kepada proses permohonan kewarganegaraan bagi kanak-kanak tanpa warganegara di Sarawak khususnya di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan, sebelum diserahkan kepada JPN untuk keputusan akhir. Hal ini dapat memudahkan urusan permohonan kewarganegaraan dan membantu anak angkat tanpa warganegara melalui proses permohonan kewarganegaraan dengan lancar.

KESELARASAN DENGAN UNDANG-UNDANG ANTARABANGSA BERKAITAN HAK KANAK-KANAK

Menurut United Nations Children's Fund (UNICEF), Konvensyen Hak Kanak-Kanak dianggap sebagai satu set piawaian dan kewajipan yang diterima secara universal yang tidak boleh dipertikaikan dan harus dihormati oleh kerajaan. Terdapat empat prinsip utama yang ditekankan oleh Konvensyen Hak Kanak-Kanak. Prinsip pertama adalah prinsip tanpa mendiskriminasi. Setiap kanak-kanak harus diberi peluang untuk menikmati hak yang mereka layak terima dan tidak boleh didiskriminasi. Kedua adalah prinsip kepentingan terbaik kanak-kanak di mana

kanak-kanak harus diberikan sokongan dan perlindungan yang sewajarnya kepada mereka. Ketiga adalah prinsip hak kanak-kanak untuk hidup dan berkembang yang memberi tumpuan kepada hak sosial dan ekonomi kanak-kanak. Akhir sekali, prinsip pandangan kanak-kanak, prinsip ini menekankan kepentingan menghormati pandangan kanak-kanak dalam semua perkara melibatkan kanak-kanak (UNICEF, 2019). Dengan penekanan terhadap prinsip-prinsip ini, Konvensyen Hak Kanak-Kanak sebagai undang-undang antarabangsa yang berkaitan dengan hak kanak-kanak memberi keutamaan kepada keperluan kanak-kanak. Oleh itu, isu kanak-kanak tanpa warganegara yang diambil sebagai anak angkat di Malaysia haruslah ditangani bagi melindungi hak mereka.

Dengan meratifikasi Konvensyen Hak Kanak-Kanak pada tahun 1995, Malaysia haruslah mengambil langkah penting dalam memastikan hak-hak berkaitan sosial, ekonomi, pendidikan dan kesihatan kanak-kanak dilindungi dalam negara ini. Walaupun Malaysia telah meletakkan pengecualian terhadap Perkara 7 Konvensyen Hak Kanak-Kanak 1989 berkaitan dengan hak kanak-kanak untuk memperoleh kewarganegaraan. Kerajaan haruslah memastikan kepentingan terbaik kanak-kanak menjadi pertimbangan utama dan peluang harus diberikan kepada semua kanak-kanak tanpa diskriminasi dalam memperoleh kewarganegaraan dengan menambah baik prosedur permohonan sedia ada supaya lebih telus dan adil selari dengan prinsip utama dalam Konvensyen Hak Kanak-Kanak yang mengiktiraf hak asasi manusia kanak-kanak di seluruh dunia.

KESELARASAN DENGAN KERANGKA PERUNDANGAN NASIONAL

Akta Kanak-Kanak 2001 turut menekankan kepentingan terbaik kanak-kanak dalam melindungi hak-hak dan kesejahteraan kanak-kanak di Malaysia. Dasar Perlindungan Kanak-Kanak Negara menggalakkan semua pihak terutamanya kerajaan memberi keutamaan kepada

perlindungan kanak-kanak dengan menekankan pembangunan kanak-kanak terhadap pendidikan, kesihatan dan perkembangan diri kanak-kanak (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2023). Namun begitu, prosedur permohonan kewarganegaraan yang panjang dan tidak tentu ini menghalang kanak-kanak daripada mendapatkan hak yang sewajarnya. Hal ini demikian kerana, proses permohonan kewarganegaraan yang mengambil masa bertahun-tahun ini menyebabkan kanak-kanak tanpa kewarganegaraan yang diambil sebagai anak angkat kehilangan akses kepada pendidikan, kesihatan dan peluang pekerjaan yang menjadikan masa depan kanak-kanak ini terumbang-ambing. Hal ini jelas bertentangan dengan falsafah Akta Kanak-Kanak 2001 yang menekankan prinsip perlindungan kepada kanak-kanak demi kepentingan terbaik kanak-kanak tersebut.

Oleh itu, kerajaan haruslah mempertimbangkan perubahan dan penambahbaikan prosedur permohonan kewarganegaraan ini untuk memastikan kepentingan terbaik kanak-kanak tetap terpelihara selari dengan Akta Kanak-Kanak 2001 yang menekankan perlindungan hak kanak-kanak dalam memastikan mereka mendapat peluang yang saksama untuk berkembang dalam persekitaran yang selamat dan kondusif.

PENERAPAN PRINSIP KARAMAH INSANIAH DAN KEADILAN SOSIAL

Secara umumnya, kewarganegaraan adalah asas untuk memastikan kanak-kanak ini mendapat akses kepada hak-hak yang mereka perlukan untuk kehidupan yang lebih baik termasuk akses kepada pendidikan. Dalam prinsip karamah insaniah, keadilan sosial dan kesaksamaan merupakan elemen penting untuk mencapai kesejahteraan individu (Malaysia Mendidik, 2024). Konsep karamah insaniah menekankan martabat manusia yang perlu dihormati dan dilindungi termasuk hak kanak-kanak untuk mendapat peluang yang sama dalam pendidikan, pekerjaan dan

sosial. Namun begitu, prosedur permohonan kewarganegaraan yang ada kini dilihat tidak adil dan membebankan yang bertentangan dengan konsep karamah insaniah.

Dengan mengambil kira keperluan undang-undang antarabangsa mengenai hak kanak-kanak dan Akta Kanak-Kanak 2001 yang menekankan kepentingan terbaik kanak-kanak serta prinsip karamah insaniah, proses permohonan kewarganegaraan semasa termasuk prosedur permohonan kewarganegaraan haruslah ditambah baik bagi memastikan hak kanak-kanak dilindungi selari dengan hak asasi manusia dan keadilan sosial. Kanak-kanak tanpa kewarganegaraan yang diambil sebagai anak angkat seharusnya diberikan peluang untuk memperoleh kewarganegaraan dengan cara yang lebih cepat dan berkesan. Hal ini dapat memperkukuhkan sistem kewarganegaraan Malaysia ke arah pelaksanaan yang lebih adil dan inklusif.

KESIMPULAN

Ketiadaan kewarganegaraan menyebabkan pelbagai masalah bagi individu yang terlibat. Pendidikan kanak-kanak tersebut terganggu menyebabkan mereka tercicir dari sekolah akibat masalah ini. Mereka juga dikenakan bayaran yang jauh lebih tinggi untuk rawatan di hospital kerajaan. Tambahan pula, mereka tidak boleh bekerja dalam sektor awam. Walaupun tidak dinafikan bahawa pemberian kewarganegaraan adalah anugerah tertinggi kerajaan dan hak eksklusif ini tidak ditawarkan atau diberikan secara mudah, namun penting untuk disedari bahawa majoriti kanak-kanak yang memohon kewarganegaraan melalui Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan, adalah daripada lapisan sosio-ekonomi B40 (Devaraj, 2024). Prosedur permohonan kewarganegaraan yang tidak efisien menjejaskan lagi proses permohonan menyebabkan bilangan kanak-kanak tanpa warganegara yang diambil sebagai anak angkat akan semakin bertambah. Dapat disimpulkan bahawa dasar yang menyusahkan ribuan kanak-kanak di Malaysia ini adalah satu dasar yang tidak

membawa sebarang faedah kepada keluarga-keluarga yang terlibat ataupun kepada negara. Oleh itu, kerajaan haruslah meminda undang-undang sedia ada serta menambah baik prosedur permohonan kewarganegaraan terutamanya kepada kanak-kanak tanpa warganegara yang diambil sebagai anak angkat dengan mempertimbangkan mekanisme yang lebih efektif dalam menilai status kewarganegaraan supaya peluang yang adil diberikan kepada semua kanak-kanak selari dengan prinsip kepentingan terbaik kanak-kanak.

RUJUKAN

- Akta Kanak-Kanak 2001 (diterbitkan oleh Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Malaysia 2023).
- Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257).
- Azizah Mohd. (2012). Adoption as a Means of Child Protection: The Law and Practice in Malaysia. *Asia Pacific Journal of Social Work and Development*, 22(1), 79-89. <https://doi.org/10.1080/02185385.2012.681147>
- Chin Kooi Nah (mewakili Chin Jia Nee) v Pendaftar Besar Kelahiran dan Kematian Malaysia Malaysia* (2016) 7 MLJ 717.
- Connie Grace. (2025, February 27). *Jawatankuasa Khas Status Kewarganegaraan Permudah Proses Permohonan Kewarganegaraan*. TVS. <https://www.tvsarawak.my/2025/02/27/jawatankuasa-khas-status-kewarganegaraan-permudah-proses-permohonan-kewarganegaraan/>
- CTEB & lain-lain v Ketua Pengarah Pendaftaran Negara Malaysia* (2021) 4 MLJ 236.
- DDL & lain-lain v Pendaftar Besar Kelahiran dan Kematian Malaysia* (2024) 9 MLJ 270.
- DHRRRA Malaysia. (2019). *Menyelesaikan Isu Tanpa Kewarganegaraan di Malaysia*. <https://dhrramalaysia.org.my/wp-content/uploads/2022/04/Resolving->

- Statelessness-in-Malaysia_compressed.pdf
 DHARRA Malaysia. (2020). *Undang-Undang Kewarganegaraan: Mengurangkan Isu Tanpa Kewarganegaraan di Malaysia*.
https://dhrramalaysia.org.my/wp-content/uploads/2022/04/Gender-Equal-Nationality-Law_compressed.pdf
- Foo Toon Aik (mewakili Foo Shi Wen) v Ketua Pendaftar Kelahiran dan Kematian Malaysia (2012) 9 MLJ 573.
- Goh Siu Lin. (2016, April 17). *End the Misery of Stateless Children*. FMT.
<https://www.freemalaysiatoday.com/category/opinion/2016/04/17/end-the-misery-of-stateless-children>
- Goh Siu Lin. (2016, April 18). *In the Case of M. Navin - The Guiding Criteria for Article 15A*. MalaysiaKini.
<https://www.malaysiakini.com/letters/338183>
- Hariati Azizan. (2018, April 1). *The State of Statelessness*. The Star.
<https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/04/01/the-state-of-statelessness-for-those-born-in-malaysia-but-without-a-citizenship-their-life-is-left-i>
- Ida Lim. (2023, Jun 30). *'Invisible' in Malaysia: Why are people born here stateless and will the govt's citizenship proposals fix or worsen the problem?* Malaymail.
<https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/06/30/invisible-in-malaysia-why-are-people-born-here-stateless-and-will-the-govts-citizenship-proposals-fix-or-worsen-the-problem/76895>
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2023). *Dasar Perlindungan Kanak-Kanak Negara*.
<https://jkm.penang.gov.my/index.php/14-dasar/25-dasar-perlindungan-kanak-kanak-negara>
- Jeyakumar Devaraj. (2024, September 19). *Dilahirkan di Malaysia, tapi bukan Warganegara: Dilema anak-anak tanpa negara*. ALIRAN.
<https://m.aliran.com/thinking-allowed-online/dilahirkan-di-malaysia-tapi-bukan-warganegara-dilema-anak-anak-tanpa>
- Jeyakumar Devaraj. (2024, September 13). *Masalah Kewarganegaraan yang Dihadapi oleh Dua Golongan Terpinggir*. SOSIALIS.
<https://sosialis.net/2024/09/13/masalah-kewarganegaraan-yang-dihadapi-oleh-dua-golongan-terpinggir/>
- Konvensyen Hak Kanak-Kanak 1989.
- Lee Chin Pon & lain-lain v Pendaftar Besar Kelahiran dan Kematian Malaysia (2010) Tidak dilaporkan (Mahkamah Tinggi).
- Mazura Md Saman & Nor Hafizah Mohd Badrol Affandi. (2020). The Viability of Adoption as an Attributable Factor for Citizenship Conferment in Malaysia. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 11, 85-91.
- Malaysia Mendidik. (2024). *Pendidikan Karamah Insaniah*.
<http://www.malaysiamendidik.org/>
- Md Zawazi Abu Bakar & Chan Cheong Chong. (2018). Amalan Pengangkatan Kanak-Kanak di Malaysia: Satu Analisis Perbandingan. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 21, 47-63.
<https://doi.org/10.32890/jps.21.2018.11553>
- Navin Moorthy v Kementerian Dalam Negeri (2016) Tidak dilaporkan (Mahkamah Rayuan).
- Nur Athirah Syuhada Hasni & Nurshahirah Azman. (2022). A Case Study on Citizenship Application by Stateless Adopted Children in Malaysia. *Journal of Management and Business Studies*, 1(1), 75-82.
<https://doi.org/10.37698/jmbs.v1i1.149>
- Nor Hafizah Mohd Badrol Affandi. (2020, June 2). *Living in limbo: In Malaysia, Adopted Children are not Guaranteed Citizenship*. The Star.
<https://www.thestar.com.my/opinion/letters/2020/06/02/living-in-limbo-in>

malaysia-adopted-children-are-not-guaranteed-citizenship
 Perlembagaan Persekutuan (diterbitkan oleh Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Malaysia 2020).
 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat 1948.
Pendaftar Besar Kelahiran dan Kematian Malaysia v Pang Wee See & lain-lain (2017) 3 MLJ 308.
 Penyata Rasmi (Hansard) Parlimen 1962.
 Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) Kewarganegaraan 2024.
 Raymond Mah & Chloe Lim Yen Hwa. (2013, January 10). *Citizenship for Adopted Children: A Malaysian Perspective*. MahWngKwai & Associates.
<https://mahwengkwei.com/citizenship-for-adopted-children-a-malaysian-perspective/>
 Roslina Che Soh, Nora Abdul Hak, Noraini Md. Hashim & Mohd Helmi Said. (2017). Adequacy of the Law in Protecting the Rights of Adopted Children in Malaysia. *Proceedings International Conference on Law and Sociey Yogyakarta* (pp.319-327).
 Suharne Ismail. (2020). Peruntukan Undang-Undang bagi Proses Pengangkatan dan Menjaga Hak serta Kebajikan Anak Angkat. *Journal of Law & Governance*, 2(1), 39-50.
 SUHAKAM. (2024). *Hak Asasi Manusia dan Tanpa Kewarganegaraan di Semenanjung Malaysia*.
<https://suhakam.org.my/wp-content/uploads/2025/01/Ringkasan-Dwibahasa-Laporan-Kajian-Suhakam.pdf>
Than Siew Beng & lain-lain v Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara (2017) 5 MLJ 662.
 UNICEF. (2019). *Four Principles of the Convention on the Rights of the Child*.
<https://www.unicef.org/armenia/en/stories/four-principles-convention-rights-child>
 Zen Yie Ko & Manique AE Cooray. (2024). Legal and Social Issues of Stateless

Children in Malaysia. *Asian Journal of Law and Policy*, 4(1), 77-98.